

RABU | 7 Disember 2022 | 12 Jamadilawal 1444H

# Cintai alam sekitar anda

| NOOR'AIN AINI

suarasarawak.news@gmail.com

**USAHA** ahli Kelab Pencinta Alam Sekitar (PALS) mempromosi program 5R membuahkan hasil apabila dinobatkan sebagai Johan Reruai Pameran Terbaik dan Johan Inovasi Kelab Akademik di Program Lan Berambah di SMKA Tun Ahmad Zaidi (Tunaz).

Program tersebut yang dirasmikan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak (Undang-Undang, MA63, Perhubungan Negeri-Persekutuan) merangkap Penaung PIBG SMKA Tunaz, Datuk Hajah Sharifah Hasidah Sayeed Aman Ghazali menyaksikan 17 kelab dan persatuan Tunaz berentap mempamerkan hasil inovasi masing-masing.

Reruai pameran PALS menjadi pilihan juri apabila mengetengahkan empat bangku ecobrick yang dihias pelbagai bentuk, salah satunya menyerupai minion.

Setiap bangku ecobrick ini mempunyai berat sebanyak enam kilogram dan diperbuat daripada 12 botol bersaiz 1.5 liter berisi sisa plastik yang telah dimampatkan. Menariknya, setiap bangku ecobrick tersebut mampu menampung beban sehingga 100 kilogram.

Bangku-bangku tersebut terhasil daripada keterlibatan PALS dalam projek komuniti bersama UNIMAS pada minggu sebelumnya. Dr Haslina Hashim, Ketua Projek Ecobricks dari Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Unimas, turut gembira dengan kejayaan PALS kerana usaha pihak



**SHARIFAH** Noor Zafiratul Nadia menerangkan tentang penggunaan ReDS kepada Datuk Sharifah Hasidah sambil diperhatikan oleh Pengetua TUNAZ, Hajah Zainab Hussein.

beliau "menurunkan ilmu" ecobrick kepada ahli PALS ternyata tidak sia-sia.

"Kita tunjukkan arah, mereka melaluinya dengan kreativiti dan gaya tersendiri," ujar beliau.

Sementara itu, PALS turut meraih Johan Inovasi Kelab Akademik apabila berjaya mencipta sistem pangkalan data yang diberi nama Recycle Data Storage (ReDS). ReDS direka khas untuk menyimpan maklumat berkaitan hasil kutipan mingguan program "Let's Recycle" kelab tersebut.

Di samping lebih menjimatkan masa, ReDS juga berupaya mengurangkan penggunaan kertas

untuk tujuan merekod hasil bahan sisa yang dikumpul pada setiap minggu.

Setiausaha PALS, Sharifah Noor Zafiratul Nadia Wan Jamaludin, berkata kemenangan yang diperolehi akan memberi lebih visibiliti kepada program kitar semula di TUNAZ dan meningkatkan kesedaran dalam kalangan warga TUNAZ tentang peranan yang perlu dimainkan oleh individu dalam menjaga alam sekitar.

Beliau berharap aktiviti kitar semula bahan sisa ini bukan sekadar untuk pertandingan atau untuk menjana pendapatan kelab, tetapi juga untuk dijadikan amalan dalam kehidupan seharian demi kelestarian alam sekitar dan bumi ini.



**PARA** juri tekun mendengar penerangan tentang penciptaan dan penggunaan ReDS daripada ahli PALS.

Sharifah Noor Zafiratul Nadia juga mengalu-alukan penglibatan lebih ramai warga TUNAZ dalam aktiviti kitar semula dengan matlamat mengurangkan penghasilan bahan sisa di TUNAZ.

"Kita guna dan hasilkan sisa, maka kita juga harus bertanggungjawab ke atas sisa itu," tegasnya.

Beliau menambah bahawa sokongan dan kerjasama daripada Guru Pembimbing PALS, Puan Nur Afizah Dollah dan Puan Syafiqah Othman, memberikan PALS semangat untuk terus berinovasi, berdaya saing dan aktif melakukan aktiviti kitar semula dengan pihak komuniti luar sekolah.

Pada bulan Jun, PALS berkolaborasi dengan UiTM-Samarahan untuk menjalankan Projek Let's Go Green di Kampung Buntal, Kuching. Sebanyak lebih 800 kilogram bahan sisa pelbagai seperti aluminium, plastik, kotak, kertas dan besi telah dikumpul untuk dilupuskan.

Jumlah ini tidak termasuk sisa elektrik dan elektronik yang sehingga kini masih belum mempunyai sistem pengurusan pelupusan yang sistematis. PALS telah berjaya menjana pendapatan sebanyak RM700 hasil daripada pengumpulan bahan sisa dalam projek tersebut sahaja.

## Kembang potensi di mata dunia

| MOHD ZAHID ZAKI

suarasarawak.news@gmail.com


**KUCHING:** Usahawan Sarawak digesa mengembangkan potensi dan peluang dengan cara tersendiri terutama dalam meletakkan negeri ini di peta dunia.

Timbalan Premier Datuk Seri Dr Sim Kui Hian berkata, sama seperti PC Image yang muncul sebagai kedai runcit komputer terbesar di Malaysia, beliau mahu rakyat negeri ini terus membawa bendera dan nilai Sarawak sambil mencipta nama untuk diri mereka sendiri.

"Saya mahu rakyat Sarawak menyedari potensi mereka, sentiasa mencari peluang dalam apa sahaja yang mereka lakukan.

"Anda boleh meletakkan nama Sarawak ke persada dunia dan diiktiraf masyarakat antarabangsa atas apa yang anda lakukan dan apa yang anda sumbangkan kepada negeri ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyampaian



**DR SIM** menyaksikan penyerahan sijil MBR oleh Edwin kepada Simon

Anugerah PC Image oleh Malaysia Book of Records (MBR), sekali gus menyambut ulang tahun ke-20

syarikat itu di hotel UCESI, di sini, malam semalam. Sementara, PC Image Sdn Bhd

menerima anugerah MBR, pada hari ulang tahun ke-20, sekali gus memberi pengiktirafan kepada syarikat tersebut atas pencapaiannya sebagai saluran runcit komputer terbesar di Malaysia.

Perunding Kanan MBR Edwin Yeoh menyampaikan sijil pengiktirafan tersebut kepada Pengarah Urusan PC Image Simon Kong.

Majlis penyampaian sijil turut disaksikan Timbalan Premier merangkap Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak Datuk Seri Dr. Sim Kui Hian.

Pengiktirafan MBR terhadap

organisasi tersebut merupakan satu perkara penting bagi PC Image kerana diiktiraf sebagai salah satu rangkaian komputer terkemuka di Malaysia.

Dalam pada itu, syarikat tersebut turut bekerjasama dengan beberapa vendor komponen mereka untuk menawarkan 300 unit PC atau komputer riba pada harga RM999 bersasar kepada kumpulan B40.

Tawaran Infinite Desktop PC Essential B40 dan Infinite Laptop 151G-SWS SRP yang asalnya berharga RM1,499.

Pemohon yang berminat perlu menyemak kelayakan, seterusnya membuat pesanan di [www.pcimage.com.my](http://www.pcimage.com.my) sementara stok masih ada.

Ini merupakan kerjasama antara vendor komponen sokongan termasuk Acer, Adata, Aoc, MSI & Infiniteracer dengan jumlah tajaan berjumlah RM100,000.

Semua penaja yang menjayakan program tanggungjawab sosial Korporat (CSR) itu diberi sijil penghargaan.